

Kunjungan persefahaman UMS ke UNISSA



Gambar ramai rombongan UMS bersama pegawai-pegawai utama UNISSA.

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Julai - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) hari ini telah menerima kunjungan hormat daripada rombongan seramai 29

orang dari Universitas Muhammadiyah Sukarta (UMS), Republik Indonesia. Kehadiran delegasi yang diketuai oleh Rektornya, Profesor Dr Bambang Setiaji,

MS dan disertai beberapa orang timbalan rektor, dekan-dekan fakulti dan beberapa orang pensyarah berkenaan, telah dialu-alukan oleh Rektor UNISSA, Dr Haji

Norrfan bin Haji Zainal dan Penolong Rektor, Dr Arman bin Haji Asmad.

Turut hadir bagi majlis tersebut ialah pegawai-pegawai utama UNISSA yang terdiri daripada dekan-dekan fakulti dan pengarah pusat.

Menurut kenyataan UNISSA, dalam sesi perbincangan antara UNISSA dan UMS, kedua-dua belah pihak bersetuju akan terus berusaha menjalinkan kerjasama dalam bidang-bidang yang bersesuaian khususnya dalam bidang Pengajian Islam, Ekonomi dan Undang-undang.

Begitu juga kolaborasi dalam penglibatan ahli akademik kedua institusi berkenaan dalam penulisan artikel akan dapat dikongsi sama untuk diterbitkan dalam Jurnal Ilmiah keluaran masing-masing.

Dalam kunjungan ini juga, pihak delegasi UMS menyuarakan rasa kekaguman terhadap atas komitmen yang telah diusahakan dalam membuat strategik perkembangan melahirkan ulama dan amat berharap bahawa UNISSA akan menjadi sebuah universiti Islam yang terunggul di rantau-Asia.

UMS merupakan salah satu daripada 164 Perguruan Tinggi Muhammadiyah (PTM), Republik Indonesia, yang terletak di Kecamatan Kartasura Kabupaten Sukoharjo (Kartasura, Sukoharjo).

Penubuhannya adalah dengan tekad mewujudkan kampus sebagai 'Wacana Keilmuan dan Keislaman', iaitu mampu menumbuhkan budaya Islam yang menguasai ilmu pengetahuan dan keterampilan yang dilandasi nilai-nilai keislaman.

Seminar informasi University of Otago



Antara pelajar-pelajar yang hadir mendengarkan seminar informasi berkenaan.

Oleh Syahmi Hassan

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Julai - Findlay (B) Sdn Bhd, hari ini, telah mengendalikan seminar informasi mengenai University of Otago, New Zealand, yang diadakan di ibu pejabatnya di Gadong.

Antara yang hadir pada seminar berkenaan ialah kalangan pelajar dari Pusat Tingkatan Enam (PTE) Meragang, PTE Tutong, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah serta ibu bapa mereka.

Seminar telah disampaikan oleh Pengurus Pemasaran Serantau, Victoria McEniery, yang antara lain menjelaskan mengenai New Zealand iaitu salah sebuah negara yang penuh dengan daya tarikan alam semula jadi, dan mengenai University of Otago yang berada di Dunedin.

Menurut beliau, University of Otago merupakan universiti yang pertama ditubuhkan di New Zealand iaitu pada tahun 1869, manakala Dunedin pula merupakan kota universiti dengan 20 peratus daripada penduduknya terdiri daripada kalangan pelajar.

Pelbagai kursus ditawarkan kepada pelajar bergantung dengan kelulusan yang diperolehi, antaranya sarjana muda dalam sains gunaan, seni, sains bio perubatan, perniagaan, pembedahan pergigian, teknologi pergigian, undang-undang, sains makmal perubatan, perubatan dan muzik.

Selain itu, mereka juga menawarkan kursus kesihatan mulut, farmasi, pendidikan fizikal, fisioterapi, sains, ukur, pengajaran serta teologi. Tempoh kursus yang ditawarkan adalah tiga hingga empat tahun bergantung kepada kursus yang dipilih.

Selain daripada program sarjana muda, program ijazah lanjutan juga disediakan

seperti diploma lepasan ijazah, kursus dan penyelidikan sarjana dan program-program PhD.

Menyentuh mengenai kehalalan, beliau berkata, Otago mempunyai perkhidmatan dan kemudahan yang komprehensif bagi para pelajar Brunei, yang mana makanan halal boleh didapati di kampus dan juga di tempat tinggal.

Selain itu, bilik sembahyang juga disediakan, malah masjid juga terletak tidak jauh dari tempat tinggal dengan hanya mengambil masa lima minit berjalan kaki.

Menurut beliau lagi, memandangkan pada masa ini hanya seramai 50 orang pelajar dari Brunei yang belajar di sana, mereka digalakkan untuk bergabung dengan Persatuan Pelajar-Pelajar Malaysia bagi berkongsi mengenai hal-hal kehalalan dan keagamaan.

Pengarah Findlay (B) Sdn Bhd, Sunita Martin ketika ditemui *Media Permata*, menjelaskan bahawa ini merupakan kali pertama universiti tersebut mengadakan seminar informasi berkenaan di bawah kendalian Findlay (B) Sdn Bhd.


"Peranan kami adalah dalam mewakili mereka (pihak universiti) untuk memberi maklumat yang betul kepada pelajar dan nasihat mengenai kesesuaiannya untuk program itu sama ada mereka perlu menulis latar belakang akademik dan sebagainya.

"Kami juga membantu mereka dalam proses visa, tempat tinggal dan memberi mereka maklumat sebelum perlepasan, seminar maklumat dan sebagainya."

Tambah beliau lagi, mereka menyokong pelajar-pelajar sepanjang pengajian di universiti, jadi ia tidak berakhir apabila mereka berlepas.

"Kami kekal berhubung dengan mereka sepanjang program tiga atau empat tahun mereka di sana," ujar beliau lagi.

Sambutan 20 tahun Masjid Perpindahan Lambak Kanan



Antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Oleh Imelda Groves HA

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Julai - Sempena memperingati ulang tahun ke-20 penubuhan Masjid Perpindahan Lambak Kanan, Majlis Membaca Surah Yasin dan Doa Kesyukuran telah diadakan di masjid berkenaan malam semalam.

Bacaan Surah Yasin telah dipimpin oleh Imam Awang Khairul Ariffin bin Haji Yussof, manakala itu, Doa Kesyukuran

dibacakan oleh Imam Haji Abdul Malik bin Haji Jumat.

Hadir pada majlis itu ialah Pegawai Hal Ehwal Masjid, Haji Hanafi bin Haji Zaini, Penghulu Mukim Berakas B, Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, ketua-ketua kampung di Mukim Berakas B dan ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid RPN Lambak Kanan serta para jemaah masjid.

Di akhir acara tersebut, Dikir Marhaban dilaungkan oleh ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Lambak Kanan.